

UPM tidak sengit

Pilihan raya kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun ini hambar kerana persaingan tiga penjurua hanya membabitkan wakil Proaspirasi (Pro-A), Siswa Penggerak Universiti (SPU) yang dikaitkan sebagai calon serpihan Pro-A serta calon bebas.

Pengerusi Wakil Promahasiswa (Pro-M) UPM, Tarmizi Anuwar, berkata pihaknya tidak mengemuka calon tahun ini tetapi ada wakil Pro-M yang bertanding sebagai calon bebas.

Katanya, Pro-M tidak mempunyai isu untuk menentang Pro-A kerana Naib Canselor, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi mengambil pendekatan baru dengan memantau sendiri semua prosedur pilihan raya kampus.

Beliau berkata, untuk pertama kali tahun ini Jabatan Hal Ehwal Pelajar terbabit secara minimum dan pelaksanaan pemilihan berjalan dengan telus.

"Kami berpuas hati dengan pendekatan Naib Canselor dalam memastikan pelaksanaan pilihan raya lebih adil dan telus termasuk memanjangkan tempoh pilihan raya dan rayuan kepada lima hari selain menarik balik larangan berkempen

menerusi laman sosial.

"Kami mahu memainkan peranan sebagai penyatu kepada tiga pihak iaitu pelajar, MPP dan universiti," katanya.

Pro-M bangkit isu bas

Sementara itu, salah seorang wakil Pro-M yang bertanding sebagai calon bebas dan memenangi kerusi umum, Ahmad Al Meseiry Abd Hakim Amir, menyifatkan kempen dan persaingan pilihan raya tahun ini kurang sengit.

Katanya, kempen poster pilihan raya UPM tahun ini kurang meriah kerana ramai calon menggunakan laman sosial Facebook untuk berkempen sementara lebih ramai calon memilih mendaftar sebagai calon bebas.

"Saingan pilihan raya tahun ini tidak terasa kerana undi banyak pecah dengan adanya SPU selain wakil Pro-M dan Pro-A yang mendaftar sebagai calon bebas," katanya.

Beliau mahu memperjuangkan kebajikan pelajar terutama perkhidmatan bas yang dikatakan tidak cekap hingga mengakibatkan ramai pelajar lewat menghadiri kuliah.